

Dokumen ini telah disediakan kepada anda untuk tujuan terjemahan sahaja. Sekiranya ada percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai

KENYATAAN PERLINDUNGAN DATA

Saya faham bahawa Carlson Wagonlit Travel (CWT) adalah sebuah syarikat pengurusan perjalanan yang pakar dalam menguruskan perjalanan perniagaan, mereka bentuk, melaksanakan dan menguruskan program-program pengurusan perjalanan korporat untuk pelanggan. CWT telah diminta untuk menyediakan perjalanan perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perjalanan kepada organisasi saya di mana saya adalah seorang pekerja, kontraktor atau seorang tetamu pelancong. Adalah dalam kapasiti ini CWT mengumpul, memproses dan mendapatkan data peribadi yang saya dan organisasi saya berikan serta data lain yang berkaitan dengan perjalanan. Ini termasuk data yang digunakan untuk membuat tempahan saya, mengeluarkan dokumen perjalanan, menghantar invoice dan mengeluarkan laporan.

Data yang Dikumpul

Data yang dikumpul termasuk nama, alamat, e-mel, destinasi perjalanan, jadual perjalanan dan profil perjalanan (termasuk pilihan tempat duduk, butiran hubungan kecemasan, kewarganegaraan, tarikh lahir, jantina, nombor pengenalan pekerja, rujukan kad kredit dan pasport serta maklumat visa) saya. Data perjalanan juga boleh termasuk 'maklumat sensitif' yang mungkin saya berikan kepada CWT, seperti maklumat kesihatan saya, pilihan makan dan sebagainya. CWT memproses data perjalanan saya seperti yang dikehendaki bergantung kepada destinasi perjalanan saya.

Penyimpanan, Pemprosesan dan Akses Data

Saya pada dasarnya memberikan data saya kepada CWT dengan melengkapkan profil perjalanan saya di *CWT Portrait*, satu alat proprietari CWT, atau organisasi saya memberikan data kepada CWT melalui suapan data yang mungkin memerlukan maklumat tambahan daripada saya. CWT juga mungkin menerima data profil saya dari pembekal alat tempahan dalam talian, di mana CWT mereplikasi profil saya di *CWT Portrait* untuk menyediakan perkhidmatan perjalanan yang diminta. Jika saya memberikan 'maklumat sensitif', saya bersetuju bagi CWT memproses maklumat tersebut.

Jika saya memberi kebenaran kepada orang lain untuk mengakses profil saya, saya faham bahawa mereka akan dapat mengakses dan menyunting maklumat profil saya, termasuk maklumat sensitif. Data saya (termasuk pilihan makan dan keperluan kesihatan bagi perjalanan) diproses sepanjang proses tempahan perjalanan dan muncul dalam pelbagai dokumen: rekod tempahan (yang dikenali sebagai Rekod Nama Penumpang atau PNR) dibuat apabila tempahan dilakukan, jadual perjalanan dikeluarkan dan dokumen perjalanan lain mungkin diberikan. CWT menyimpan data saya dalam *CWT Portrait* dan dalam PNR, serta dalam alat CWT lain yang dipilih oleh organisasi saya. Di samping itu, data disimpan di dalam pejabat pentadbiran perakaunan dan sistem pelaporan untuk penyesuaian, pelaporan dan pemesejan.

Pemindahan Data

Saya juga bersetuju bahawa, apabila CWT membuat tempahan perjalanan saya dan/atau menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan organisasi saya, ia boleh memindahkan data:

- di seluruh CWT, anak syarikat, syarikat usaha sama dan rakan kongsi antarabangsa yang terletak di dalam atau di luar negara saya (termasuk di luar Kesatuan Eropah) untuk menyokong perkhidmatan yang berkaitan dengan perjalanan seperti tempahan kecemasan dalam talian, pengeluaran tiket penerbangan dan permintaan bantuan meja teknikal dan untuk penyaringan di mana perlu bagi pematuhan undang-undang;
- kepada pelbagai pembekal perjalanan termasuk syarikat penerbangan, hotel, syarikat kereta sewa, syarikat alat tempahan dalam talian dan keselamatan serta pembekal pengesanan dan juga sistem tempahan komputer;
- kepada kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang di mana perlu berhubung dengan penerbangan atau perkhidmatan perjalanan yang lain;
- kepada organisasi saya atas permintaan, sebagai sebahagian daripada laporan maklumat pengurusan;
- kepada pihak ketiga, di dalam atau di luar negara saya (termasuk di luar Kesatuan Eropah), untuk membuat dan menghantar jadual perjalanan melalui CWT atau pendaftaran pihak ketiga, untuk menyatukan dan menyesuaikan perbelanjaan perjalanan, mengumpul bayaran, menyediakan perkhidmatan kecemasan dan mengaudit perkhidmatan CWT (atas permintaan oleh organisasi);
- kepada dan dari pangkalan data CWT yang terletak di beberapa negara, pangkalan data pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan kepada CWT (seperti pentadbiran, teknologi maklumat dan platform teknologi untuk perkhidmatan alat, telekomunikasi, bayaran CWT) yang berkait dengan perkhidmatan pengurusan perjalanan.

Bagi melakukan perjalanan, data saya akan diberikan kepada pembekal perjalanan pihak ketiga, sebagai contoh hotel, syarikat penerbangan dan pengendali kereta api. CWT tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan dan amalan mana-mana pembekal perjalanan pihak ketiga, di mana data didedahkan untuk tujuan ia memberikan saya perkhidmatan perjalanan atas permintaan saya. Dalam keadaan tertentu saya mungkin tidak boleh mendapatkan pembelaan di bawah undang-undang privasi data tempatan saya jika pembekal perjalanan bermastautin di luar negara saya.

Persetujuan

Persetujuan saya adalah berdasarkan andaian bahawa saya dan organisasi saya memberikan maklumat yang tepat dan akan mengemas kini profil perjalanan seperti yang diperlukan. Saya faham saya boleh mengemas kini dan melihat profil perjalanan saya sendiri dalam *CWT Portrait* pada bila-bila masa. Saya juga boleh meminta salinan profil perjalanan saya dengan meminta kepada CWT yang boleh dikenakan bayaran.

Saya faham bahawa jika saya memilih untuk tidak menerima Kenyataan ini, CWT tidak akan mempunyai keupayaan untuk mengumpul, menyimpan dan memproses data saya, CWT mungkin tidak dapat menyediakan perkhidmatan perjalanan kepada saya dan organisasi saya sebagai pembekal pengurusan perjalanan organisasi saya. Jika saya menggunakan perkhidmatan CWT untuk membuat tempahan bagi pihak tetamu pelancong, contohnya suami/isteri, CWT menganggap bahawa saya telah mendapatkan persetujuan daripada tetamu pelancong tersebut.

Secara berkala, CWT boleh menghubungi organisasi dan pelancong secara langsung melalui e-mel sama ada untuk memberi maklumat yang penting dalam penyediaan perkhidmatannya, dan/atau memberikan maklumat terkini tentang tawaran produk yang berbeza. Saya akan mempunyai pilihan untuk berhenti melanggan promosi komunikasi pada bila-bila masa. (seperti yang dinyatakan dalam promosi komunikasi).

Saya faham bahawa maklumat lanjut berhubung privasi data boleh didapati dalam Polisi Perlindungan Data CWT, yang boleh didapati di laman web CWT: www.carlsonwagonlit.com/en/dataprotection.

CWT Global BV adalah entiti yang bertanggungjawab bagi perlindungan data. Jika saya mempunyai sebarang soalan tentang pemprosesan, penyimpanan, pemindahan atau penggunaan data peribadi saya atau bagaimana untuk membantah pemprosesan data peribadi saya (termasuk akses, membetulkan, memadam dan menentang), saya boleh menghubungi CWT Global BV di privacy@carlsonwagonlit.com. CWT Global B.V. akan mempertimbangkan dan memberi maklum balas terhadap sebarang soalan seberapa segera yang mungkin.

CWT Global B.V. Building A
pollo
Wisselwerking 58 1112 XSD
iemen The Netherlands

Saya dengan ini memberi persetujuan saya yang jelas kepada CWT untuk mengumpul, mengendalikan, menyimpan dan memproses data perjalanan saya dengan pemahaman bahawa ia akan digunakan untuk tujuan perjalanan mengikut kenyataan ini

Saya menerima dan memahami Kenyataan Perlindungan Data ini